



## PUNGUTAN PINGAT
## SUKUM 39

| KONTINJEN | EMAS | PERAK | GANGSA | JUMLAH PINGAT |
|---|---|---|---|---|
| KPM | 1 | 2 | 3 | 6 |
| UM | 1 | 1 | 3 | 5 |
| USM | 4 | 7 | 6 | 17 |
| UKM | 2 | 1 | 2 | 5 |
| UPM | 3 | 2 | 2 | 7 |
| UTM | 1 | 3 | 7 | 11 |
| UIAM | 0 | 1 | 0 | 1 |
| UUM | 4 | 4 | 5 | 13 |
| UNIMAS | 1 | 0 | 1 | 2 |
| UMS | 1 | 0 | 0 | 1 |
| UPSI | 0 | 0 | 2 | 2 |
| USIM | 0 | 1 | 0 | 1 |
| UiTM | 2 | 5 | 2 | 9 |
| UMT | 1 | 1 | 2 | 4 |
| UTHM | 1 | 0 | 4 | 5 |
| UTeM | 2 | 0 | 5 | 7 |
| UMP | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UNIMAP | 9 | 6 | 2 | 17 |
| UNISZA | 0 | 2 | 0 | 2 |
| UMK | 0 | 0 | 1 | 1 |
| UPNM | 3 | 1 | 3 | 7 |

**Nota:**
**Pungutan Pingat Sehingga 20 Ogos 2014 Pada Jam 11:30 Malam**

Buku Keputusan Rasmi SUKUM 39, 2014 akan diedar kepada



## *Bertafakur 1 Minit*
# MH17

Bagi pihak pengelola SUKUM 39, UTM mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah dan bersama-sama bertafakur selama satu minit sebagai tanda hormat kepada jenazah mangsa MH17 yang akan sampai ke Malaysia pada 22 Ogos 2014 pada jam 10.45 pagi. Pada masa yang sama, Bendera Malaysia dikibarkan separuh tiang di seluruh UTM. Sebagai rakyat Malaysia yang prihatin, marilah kita sama-sama membaca Al-Fatihah. Amin.


**Sebarang masalah sila hubungi:**
**SEKRETARIAT SUKUM 2014**
**Pejabat Kolej 10,**
**Universiti Teknologi Malaysia,**
**81310 Johor Bahru, Johor**
**No. Telefon: 07-5535766**
**No Faks: 07-5535781**

**Layari**
**http://www.utm.my/sukum/info-sukum-2014**





Pengelola UTM Dengan Kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia

# buletin
SUKUM 39, 2014

KEJOHANAN SUKAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA

EDISI 6 — 23 OGOS 2014, SABTU


# TAHNIAH KEPADA SEMUA PEMENANG ACARA SEPAK TAKRAW BERPASUKAN



Perlawanan Catur berlangsung di Kolej Tuanku Canselor, UTM pada 21 Ogos 2014. Perlawanan catur ini telah berlangsung dengan sengit. Pasukan yang telah berjaya meraih Pingat Emas bagi acara Catur Berpasukan (L) adalah dari UiTM. Pingat Perak jatuh kepada Pasukan dari UTM dan Pingat Gangsa menjadi milik UPM. Bagi acara Catur Berpasukan (W) pula, Pingat Emas menjadi milik UPM, Pingat Perak diraih oleh UiTM sementara UTM pula memenangi Pingat Gangsa. Untuk acara *'Best Board'* (L), pemenang pertama ialah UTM, pemenang kedua hingga keempat menjadi milik UiTM diikuti oleh KPM dan UUM di tempat keenam. Bagi *'Best Board'* (W) pula, tempat pertama menjadi milik UPM diikuti oleh UiTM di tempat kedua dan keempat. UTM di tempat kedua, UKM di tempat kelima dan tempat keenam oleh KPM. Acara seterusnya ialah Catur Kilat (L). Pingat Emas diraih oleh peserta dari UUM, Pingat Perak oleh UKM dan peserta dari UiTM memiliki Pingat Gangsa. Untuk Catur Kilat (W), Pingat Emas dan Pingat Perak menjadi milik UiTM sementara Gangsa berjaya menjadi milik UPM. Majlis Penyampaian Hadiah telah disampaikan oleh Prof. Dr. Madzlan bin Aziz, Dekan Fakulti Sains UTM. Tahniah diucapkan kepada pasukan yang berjaya meraih kemenangan bagi acara catur untuk SUKUM 39 kali ini.






### JAWATANKUASA INDUK

**Penasihat**
Y. Bhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar
Naib Canselor UTM

**Pengerusi**
Y. Bhg. Prof. Dr. Azlan bin Ab. Rahman
Timbalan Naib Canselor (P)

**Timb. Pengerusi**
Y. Bhg. Tn. Hj. Wan Mohd. Zawawi bin Wan Abd. Rahman
Pendaftar UTM

**Setiausaha**
Tn. Hj. Abdul Malik bin Hj. Abdul Ghani
Pengarah Sukan

**Penolong Setiausaha**
En. Armadi bin Ahmad
Pegawai Belia & Sukan Kanan

**Bendahari**
Pn. Hjh. Sharifah Alwiah bte Syed Alwi
Bendahari UTM

**Ahli Jawatankuasa**
Setiausaha Bahagian Sukan (KPM)
Pendaftar IPTA

### JAWATANKUASA PELAKSANA

**Pengerusi**
Tn. Hj. Wan Mohd Zawawi bin Wan Ab. Rahman
Pendaftar UTM

**Timbalan Pengerusi**
Tn. Hj. Abdul Malik bin Hj. Abdul Ghani
Pengarah Sukan

**Setiausaha**
En. Armadi bin Ahmad
Pegawai Belia & Sukan Kanan

**Pen. Setiausaha 1**
En. Rizam bin Rahmat
Pegawai Belia & Sukan

**Pen. Setiausaha 2**
En. Shahril Annuar bin Bahrom
Penolong Pegawai Belia & Sukan

**Bendahari**
En. Nasimin bin Ngadi (Pejabat Bendahari)
Pn. Rahmah binti Yusak (UTM Sports Excellence)
Pn. Rohani binti Karim (UTM Sports Excellence)

### SIDANG REDAKSI

**Penaung:**
Tn. Hj. Abdul Malik bin Hj. Abdul Ghani

**Penasihat:**
En. Armadi bin Ahmad

**Ketua Editor:**
En. Shahril Annuar bin Bahrom

**Penolong Ketua Editor:**
Pn. Madiha binti Aziz

**Editor:**
Pn. Salina binti Shamshuri
Pn. Norayura binti Ayub

**Jurugambar:**
Mond Hanafi bin Sumgap
Muhamad Akmal bin Ahmad

UTM Sports excellence

# KEPUTUSAN & SESI PEN- YAMPAIAN HADIAH
# SUKUM 39, 2014 - UTM

## KOMITMEN PASUKAN KAROM (L) UTM BERBALOI






Bertempat di Bilik Kuliah, Blok P16, UTM, Perlawanan Akhir Karom Berpasukan Lelaki akan diadakan pada 22 Ogos 2014 pada jam 2.30 petang. Kali ini perlawanan akhir menyaksikan pertarungan sengit di antara pasukan tuan rumah UTM yang telah berjaya menggondol Pingat Emas menewaskan pasukan UTeM. Naib johan diraih oleh pasukan UTeM yang memperolehi Pingat Perak. Sementara Pingat Gangsa bersama diraih oleh pasukan UUM dan UKM. Perlawanan telah berjalan dengan lancar mengikut jadual yang telah ditetapkan. Secara keseluruhan dalam acara ini setiap pasukan cuba menunjukkan prestasi yang terbaik dan konsisten. Mutu permainan dan tahap skil pemain juga terus meningkat. Majlis penyampaian hadiah acara ini telah disempurnakan oleh Pn. Siti Sarah bt. Bujang, Pegawai Belia & Sukan UTeM. Tahniah dan syabas kepada semua pemenang dan pemain yang telah mempamerkan corak permainan yang menarik.

# KEPUTUSAN & SESI PENYAMPAIAN HADIAH
# SUKUM 39, 2014 - UTM

## EMAS PING PONG CAMPURAN MENJADI MILIK UKM

Beraksi di Dewan Perdana, UTM pada 21 Ogos 2014, acara Ping Pong Campuran menyaksikan Pasukan UKM beraksi cemerlang apabila menjuarai perlawanan tersebut sempena SUKUM 39 di UTM. Keadaan di Dewan Perdana gamat dengan sorakan penyokong-penyokong yang datang untuk memberi semangat kepada pasukan masing-masing. Sepanjang perlawanan berlangsung, pemain-pemain telah menunjukkan kesungguhan dan kehebatan serta kebolehan mereka dalam usaha menewaskan lawan masing-masing. Keputusan akhirnya menyebelahi Pasukan UKM apabila memperolehi Pingat Emas dengan menewaskan Pasukan USM yang hanya meraih Pingat Perak. Manakala Pasukan UPSI dan UUM masing-masing berkongsi Pingat Gangsa. Majlis penyampaian hadiah bagi Ping Pong Campuran ini telah disempurnakan oleh Prof. Hishamuddin bin Jamaluddin, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UTM. Tahniah dan syabas diucapkan kepada para pemain dan pemenang.







## TARIKAN PADU TARIK TALI MEMBUAHKAN KEJAYAAN

Tarikan mantap dari semua atlet tarik tali akhirnya membuahkan kejayaan dalam kejohanan SUKUM 39 kali ini bertempat di Padang Kolej 9 & 10, UTM. Usaha gigih memberi kemenangan Pingat Emas kepada Pasukan UM yang menewakan Pasukan USIM dengan Pingat Perak. Manakala Pingat Gangsa diraih oleh Pasukan UTHM dan UKM. Secara keseluruhan, perlawanan telah berlangsung dengan penuh aksi dan mendebarkan kerana setiap pasukan telah menonjolkan aksi yang menarik. Majlis Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh En. Jasmin bin Jaimon, selaku Ketua Kontinjen USIM. Tahniah diucapkan kepada para pemenang.









## PEMAIN BOLA JARING TUNJUK SEMANGAT JUANG

Acara Bola Jaring terus menyaksikan aksi-aksi menarik yang ditonjolkan oleh semua pasukan yang bertanding. Kelihatan setiap pasukan bersungguh-sungguh bermain dengan teknik dan kemahiran masing-masing demi kemenangan yang ingin diraih. Beraksi pada tarikh 21 Ogos 2014 adalah Pusingan Pertama oleh Kumpulan A yang terdiri dari Pasukan UiTM, USM dan UPM. Kumpulan B pula terdiri dari Pasukan UUM, UTM dan UM. Manakala Kumpulan C terdiri dari pasukan UTeM, UTHM, KPM dan UKM. Ini diikuti pada 22 Ogos 2014 di mana Pusingan Kedua dan Separuh Akhir yang menyajikan aksi yang lebih sengit akan berlangsung. Seterusnya kita nantikan keputusan akhir yang akan menentukan juara pada 23 Ogos 2014.







## SAINGAN SENGIT MENANTI PERLAWANAN AKHIR HOKI

Kejohanan hoki ini mula mendapat perhatian dan berjaya menarik perhatian penonton kerana aksi-aksi menarik yang ditonjolkan dari pasukan yang bertanding. Pada kejohanan SUKUM 39 ini, arena hoki menyaksikan pertarungan di antara Kumpulan A dan B. Kumpulan A terdiri dari UPM, KPM, UTHM dan UM. Kumpulan B dianggotai oleh UUM, UNIMAP, UKM dan USM. Pasukan yang berjaya melayakkan diri ke perlawanan peringkat Separuh Akhir ialah UNIMAP, USM, UTHM dan KPM. Peringkat Separuh Akhir, pasukan UTHM akan bertemu dengan pasukan USM manakala pasukan KPM bertemu UNIMAP. Perlawanan peringkat akhir akan berlangsung pada 23 Ogos 2014 (Sabtu) jam 9.00 pagi. Jangan lupa untuk menyaksikan aksi yang menarik di Peringkat Akhir nanti.









## LALUAN CATUR BERAKHIR
















Perlawanan Catur berlangsung di Kolej Tuanku Canselor, UTM pada 21 Ogos 2014. Perlawanan catur ini telah berlangsung dengan sengit. Pasukan yang telah berjaya meraih Pingat Emas bagi acara Catur Berpasukan (L) adalah dari UiTM. Pingat Perak jatuh kepada Pasukan dari UTM dan Pingat Gangsa menjadi milik UPM. Bagi acara Catur Berpasukan (W) pula, Pingat Emas menjadi milik UPM, Pingat Perak diraih oleh UiTM sementara UTM pula memenangi Pingat Gangsa. Untuk acara *'Best Board'* (L), pemenang pertama ialah UTM, pemenang kedua hingga keempat menjadi milik UiTM diikuti oleh KPM dan UUM di tempat keenam. Bagi *'Best Board'* (W) pula, tempat pertama menjadi milik UPM diikuti oleh UiTM di tempat kedua dan keempat. UTM di tempat ketiga, UKM di tempat kelima dan tempat keenam oleh KPM. Acara seterusnya ialah Catur Kilat (L). Pingat Emas diraih oleh peserta dari UUM, Pingat Perak oleh UKM dan peserta dari UiTM memiliki Pingat Gangsa. Untuk Catur Kilat (W), Pingat Emas dan Pingat Perak menjadi milik UiTM sementara Gangsa berjaya menjadi milik UPM. Majlis Penyampaian Hadiah telah disampaikan oleh Prof. Dr. Madzlan bin Aziz, Dekan Fakulti Sains UTM. Tahniah diucapkan kepada pasukan yang berjaya meraih kemenangan bagi acara catur untuk SUKUM 39 kali ini.

UTM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA




UTM Sports excellence